
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

PPG 317 - Kaedah Mengajar Sejarah II

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN:

Kertas soalan ini mengandungi **LIMA (5)** soalan semuanya. Jawab **Soalan 1** yang diwajibkan dan pilih **TIGA (3)** soalan lain. Jika calon menjawab lebih daripada **EMPAT (4)** soalan, hanya **EMPAT (4)** soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

Jawab **soalan 1 dan 3 (TIGA)** soalan lain.

1. Salah satu objektif pendidikan sejarah di peringkat sekolah menengah adalah untuk mengembangkan lagi kemahiran berfikir pelajar. Bincangkan bagaimana objektif ini dapat dicapai.
(25 markah)
2. Pengajaran pelajar lemah dalam matapelajaran sejarah memerlukan strategi dan kaedah yang berlainan. Sebagai seorang guru sejarah cadangkan cara-cara membantu pelajar lemah mengatasi masalah pembelajaran sejarah.
(25 markah)
3. Huraikan secara ringkas perkara-perkara berikut:
 - a) objektif kurikulum sejarah Sekolah Menengah Atas (SMA)
 - b) langkah-langkah mengendalikan kaedah perbincangan kumpulan
 - c) prinsip-prinsip penilaian dalam pendidikan sejarah
(25 markah)
4. Dengan memberi contoh yang sesuai, huraikan **lima (5)** perkara yang harus diambilkira oleh guru sejarah apabila menyediakan rancangan pengajaran harian.
(25 markah)
5. Tujuan pengajaran dan pembelajaran sejarah di Tingkatan Enam ialah untuk menyediakan pelajar sebagai seorang ahli sejarah. Bincangkan sejauh manakah tujuan ini boleh dicapai di Tingkatan Enam?
(25 markah)